


a bomba  
an  
sekolah  
dayatul  
ng  
ar

# 600 MURID TERANCAM



## PEKERJA AM NYARIS MAUT

### Menggelungsur jatuh bersama puluhan kerusi, meja, dinding batu



### DARI MUKA 1

Dalam kejadian itu, seorang pekerja am yang cuba memeriksa stor di sebelah bilik guru nyaris maut apabila secara tiba-tiba terhumban ke bawah tebing bukit bersama bangunan itu.

"Mujur bangunan stor sekolah agama yang runtuh itu tidak tergolek mengempap kepala sejurus saya terperosok jatuh ke dalam lubang jerlus sedalam lebih dua meter," kata Japar Supaat, 53.

Menurutnya, dalam kejadian jam 3.45 petang itu, dia diarahkan guru besar, Ramizan Mohd Yusof, memeriksa bangunan stor berkenaan yang runtuh separuh secara mendadak.

"Pada masa sama, lebih 260 murid tahun satu hingga enam sedang berkumpul di dewan sekolah untuk mengadakan majlis sambutan Maulidur Rasul.

"Saya sempat pulang ke rumah untuk menukar baju sebelum kembali semula ke sekolah bersama kunci stor terbabit,"

katanya ketika ditemui di tempat kejadian.

Sebaik membuka kunci pada jeriji keselamatan, Japar tiba-tiba berasa gegaran sebelum terperosok bersama bangunan stor satu tingkat itu.

Dia tidak sempat menyelamatkan diri dan menggelungsur jatuh bersama puluhan kerusi, meja, dinding batu dan bumbung stor terbabit.

Japar berkata, dia yang terlentang di dasar tebing pasir itu menyedari terselamat apabila mendapati masih mampu menggerakkan kaki dan tangan.

"Saya kemudian bangun dan segera menyelamatkan diri selepas terdengar jeritan seorang pemandu jengkaut yang berada berhampiran kawasan itu," katanya yang sudah tiga tahun bekerja di sekolah terbabit.

Tanah runtuh itu dikatakan membentuk lubang seluas 12 meter lebar dan sedalam dua meter.

Kejadian itu turut menyebabkan saluran paip di bawah bangunan sekolah itu pecah dan mengakibatkan keadaan tanah berpasir itu makin kritikal.

Bangunan bilik guru dan tandas sekolah yang berusia 20 tahun itu kini seolah-olah hanya menunggu masa untuk rebah.


Berikutan itu, seramai 12 guru yang bertugas segera memindahkan pelbagai peralatan dan komputer dari bilik guru yang terletak bersebelahan stor yang runtuh itu.

Sepasukan 14 anggota Jabatan Pertahanan Awam (JPA3) pula segera mengawal lokasi kejadian selain menutup kawasan terbabit daripada dicerobohi orang awam.

Pengerusi merangkap imam Surau Hidayatul Mustaqimah, Mohd Noh Ismail, 59, berkata kejadian itu dipercayai berpunca daripada aktiviti pembangunan di kawasan sekitar, termasuk projek tebatan banjir.

"Hakisan tanah bukan pertama kali berlaku dan isu ini pernah dibangkitkan jemaah serta guru sekolah agama ini kepada pihak berwajib tiga tahun lalu tetapi tidak menampakkan sebarang jalan penyelesaian.

**RUNTUH...anggota JPA3 bertungkus-lumus membersihkan kawasan tanah runtuh di Sekolah Rendah Agama Hidayatul Mustaqimah, Taman Beringin, Jinjang Utara, petang tadi.**  
- Gambar AZAHAN ROSLI



**HAMPIR MAUT ... kejadian tanah runtuh nyaris meragut nyawa Japar.**

"Kebimbangan kami berasas kerana tiga tahun lalu kejadian serupa pernah berlaku dan berpunca daripada hakisan tanah membabitkan bilik darjah," katanya.

Menurutnya, meskipun pernah mengajukan masalah itu kepada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) serta Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), tidak pihak tampil menyelesaikannya.

"Malah kami diminta mencari sebidang tanah untuk mendirikan bangunan baru sekolah terbabit selepas menerima peruntukan RM1.5 juta daripada kerajaan negeri pada 1998.

"Bagaimanapun, pihak berwajib bagaikan menarik tali setiap kali isu itu dibangkitkan, manakala permohonan mendapatkan lokasi bersesuaian daripada Pejabat Tanah tidak diluluskan," katanya.

Menurutnya, sebidang tanah yang terletak beberapa meter dari sekolah itu dikenal pasti sebagai lokasi strategik dan tidak sepatutnya dibangunkan untuk projek lain.